


DEWAN

ديوان بهاس

# BAHASA

MEMPERKAYA WAWASAN PEMBACA



## Merapatkan Jurang Bahasa Tiga Negara

Mampukah Terjemahan Mesin  
Menggantikan Kudrat Manusia?

Bil. 6 2014/1435H  
Semenanjung Malaysia : RM6.50  
Sabah/Sarawak : RM7.00  
Brunei Darussalam : B\$6.50  
Singapura : S\$6.50

KK 499-91314 0614  
ISSN 1511-9092




771511 909069

<http://dwnbahasa.dbp.my>







# Filem Kita *Wajah* Bahasa Kita

Televisyen dan layar perak sebagai wahana atau saluran yang sepatutnya menjadi model penggunaan bahasa yang baik untuk tontonan masyarakat sudah menjadi gedung bahasa basahan. Pencemaran bahasa Melayu dalam filem dan drama semakin tenat. Berleluasanya bahasa rojak dalam industri filem dan drama Melayu umpama barah, sekiranya tidak dicegah secara diam-diam akan merosakkan lalu melenyapkan keaslian dan jati diri bahasa Melayu.






Dewasa ini, filem tempatan semakin mendapat tempat di hati peminat filem tanah air. Maka tidak hairanlah jika banyak filem arahan pengarah tempatan berjaya mencapai kutipan *box-office*. Pelbagai ramuan dan resipi menarik telah diadunkan dari segi skrip, tema, plot, penceritaan, sinematografi, dan barisan pelakon yang menggandingkan bintang veteran dengan bintang baharu. Formula ini nampaknya berjaya meletakkan industri perfileman negara pada tahap yang membanggakan jika dibandingkan dengan dekad-dekad sebelumnya. Kehadiran dan kemunculan pengarah muda yang bervisi dan berkaliber seperti Syamsul Yusof, Hans Isaac, Afdlin Shauki, Syafiq Yusof, Ahmad Idham dan Yasmin Ahmad (sekadar menyebut beberapa nama) telah memeriahkan industri perfileman Malaysia. Kemunculan filem *KL Gangster*, *Hantu Kak Limah Balik Rumah*, *KL Gangster 2*, *Hantu Berceng* dan *Ombak Rindu* berjaya menambat hati pengunjung ke pawagam supaya datang menyaksikan hasil karyawan tempatan. Bukan itu sahaja, malah ada filem hasil sentuhan dan idea karyawan tempatan yang berjaya mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa, antaranya termasuklah *Paloh*, *Puteri Gunung Ledang*, dan *Muhsin*. Tahniat atas kecemerlangan filem Malaysia dalam mengangkat martabat industri perfileman tanah air di mata dunia.

Persoalannya di sini, sejauh manakah kesedaran karyawan filem tempatan terhadap peranan dan tanggungjawabnya dalam memartabatkan penggunaan bahasa Melayu yang bermutu, tepat serta gramatis dalam filem

tempatan? Se jauh manakah pula setakat ini pengusaha filem berjaya melaksanakan “amanah negara” ini dalam filem terbitan mereka? Isu ini sewajarnya diteliti secara mendalam, kritis dan profesional oleh pihak yang berwajib dalam industri. Menurut Prof. Madya Dr. Asiah Sarji dalam “Penulisan Skrip Dokumentari”, “salah satu kaedah untuk mendapatkan kemahiran bahasa ialah menerusi pembacaan karya besar dan menonton filem besar terutama yang mempunyai unsur seni dan estetika yang tinggi”. Dengan melihat senario perfileman pada hari ini, bahasa Melayu yang sekian lama diangkat sebagai bahasa rasmi dan bahasa perpaduan nasional nampaknya semakin kurang dihayati. Trend penggunaan bahasa rojak yang seolah-olah sudah menjadi kebiasaan dan menular dalam kalangan para pemimpin, ahli korporat dan rakyat biasa kini merebak dan meresap pula ke dalam industri perfileman tanah air.

Bukan itu sahaja, malah drama yang disiarkan di saluran televisyen juga mula dijangkiti bahasa kolokial. Televisyen dan layar perak sebagai wahana atau saluran yang sepatutnya menjadi model penggunaan bahasa yang baik untuk tontonan masyarakat sudah menjadi gedung bahasa basahan. Pencemaran bahasa Melayu dalam filem dan drama semakin tenat. Berleluasanya bahasa rojak dalam industri filem dan drama Melayu umpama barah, sekiranya tidak dicegah, secara diam-diam akan merosakkan, lalu melenyapkan keaslian dan jati diri bahasa Melayu.

Hal ini pernah disentuh oleh Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan



Malaysia ketika merasmikan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) 2012 pada 11 Oktober 2012 yang lalu. Beliau menegaskan, penggunaan bahasa rojak akan beransur-ansur menghakis kekuatan sesuatu bahasa. Kenyataan pemimpin nombor dua negara itu tidak harus dipandang remeh. Bahasa rojak yang memperlihatkan percampuran pelbagai bahasa dalam satu-satu struktur ayat sama ada secara lisan atau dalam bentuk tulisan ini bagaikan api



di dalam sekam yang membakar secara senyap kerana lambat laun akan melenyapkan kewibawaan bahasa Melayu.

Fenomena ini bagaikan sudah terang, lagi bersuluh apabila ada penerbit yang "berani" dan tanpa segan-silu menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa rojak dalam judul filem atau drama Melayu mereka, seperti *I Know What You Did Last Raya*, *Cicak-Man*, *Love You Mr. Arrogant*, *Gangster*, *Playboy itu Suami Aku*, *Kampung Girl* dan *I'm Not Single*. Isu penggunaan bahasa rojak dalam filem misalnya, pernah disuarakan oleh Prof. Dr. Abu Hassan Hasbullah, Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang ketika itu bertugas sebagai pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya dalam Kongres Sebudaya Serumpun yang diadakan di Kuala Lumpur suatu ketika dahulu. Menurut beliau, satu kajian yang dijalankan terhadap filem Melayu terbitan mulai tahun 1978 hingga 1990-an mendapati kebanyakan dialog yang dituturkan tidak menepati nahu yang betul. Senario tersebut berkembang sehingga kini. Fenomena ini memperlihatkan ketidakseriusan dan sikap sambil lewa karyawan dan penggiat seni tempatan terhadap tanggungjawab mereka dalam memartabatkan bahasa dalam industri perfileman Malaysia.

Polemik bahasa dalam perfileman ini sentiasa menjadi perbalahan antara karyawan filem dengan pejuang bahasa. Masing-masing melihat isu ini daripada perspektif yang berbeza. Karyawan mementingkan keuntungan kerana filem merupakan lubuk emas untuk mendapatkan pulangan yang lumayan di samping menampung

kos upah kru penggambaran yang terlibat serta kos penerbitan yang cukup tinggi. Bagi penggiat filem, keuntungan mengatasi segala-galanya. Menurut Prof. Dr. Teo Kok Seong, "filem merupakan apresiasi dan seni budaya dalam masyarakat. Pengisiannya perlu berperaturan, terikat pada undang-undang, norma masyarakat serta budaya negara. Filem dan drama mesti berperaturan dalam adegan dan bahasanya". Beliau mengkritik sikap masyarakat Melayu yang sudah hilang jati diri serta sikap patriotik terhadap bahasa Melayu.

Oleh itu, pendirian yang tegas perlu dalam isu penggunaan bahasa Melayu termasuklah dalam industri perfileman negara. Pihak berwajib seperti Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) seharusnya mengambil langkah drastik dengan mengemukakan cadangan

kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia supaya filem dan drama yang dihasilkan hendaklah menyerlahkan citra bahasa dan ketamadunan bangsa. Teguran Datuk Khalid Yunus ketika beliau menerajui Kementerian Penerangan pada suatu ketika wajar diambil iktibar. Beliau pernah berkata, "Filem yang diterbitkan sekitar tahun 1990-an yang pengarah dan penerbitnya orang Melayu menunjukkan dengan jelas penggunaan bahasa Melayu yang rendah mutunya walaupun tidak buruk dan memalukan. Bahasa Melayu yang digunakan adalah bahasa rojak bahasa Inggerisnya salah".

Dalam membicarakan persoalan ini, sejarah kegemilangan perfileman tanah air pada zaman Studio Jalan Ampas perlu diimbak kembali. Kejayaan filem Melayu lama, seperti filem arahan Tan S. P. Ramlee, *Madu Tiga*, *Pendekar*



Penerbit tanpa segan silu menggunakan bahasa Inggeris dalam judul filem atau drama Melayu mereka.



*Bujang Lapuk, Ibu Mertuaku*, dan *Gurindam Jiwa* mempertahankan kepopularannya sehingga ke hari ini perlu dicontohi. Walaupun filem ini tidak menggunakan judul dalam bahasa Inggeris, dengan mempertaruhkan bahasa yang indah, mudah dan melankolik, filem ini mampu bertahan sehingga ke abad-dekad lamanya. Inilah kekuatan jati diri filem Melayu yang sebenar. Penggunaan seni bahasa yang indah bukan sahaja mampu memikat jiwa dan menambat hati khalayak penonton tetapi dalam masa yang sama mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa. Usaha ini seharusnya dipuji dan dihormati kerana hal ini mampu mengangkat mutu industri perfileman negara. Tidak dinafikan bahawa bait kata dan rangkap pantun dalam filem Melayu lama ternyata sungguh indah dan puitis. Filem Melayu lama pada era 50-an terus menghangatkan slot filem Melayu di televisyen dan menjadi santapan khalayak penonton sehingga ke hari ini bertepatan dengan peribahasa Melayu, "tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas". Keindahan bahasa dan budaya inilah yang perlu diperlihatkan menerusi filem tempatan.

Malangnya, penggunaan bahasa dalam filem terus mengalami perubahan apabila filem dianggap sebagai alat perakam realiti kehidupan masyarakatnya. Jika masyarakatnya menggunakan bahasa rojak, maka bahasa itulah yang akan digunakan dalam filem. Jika masyarakatnya bobrok, maka kebobrokan itulah yang dipaparkan di dalam filem. "Mereka adalah produk kita. Mereka juga adalah pasaran kita. Maka dengan itu *market force* menentukan *content* sesebuah filem itu. Inilah

hambatan pengusaha filem," demikian keluhan Dr. Mahadi J. Murat dalam wacana intelektual di Dewan Bahasa dan Pustaka pada suatu ketika dahulu.

Sebenarnya semua ini terpulung kepada sikap pengusaha filem. Kita perlu ada sikap yang positif terhadap bahasa Melayu. Mutu penggunaan bahasa Melayu dalam filem dapat dicapai sekiranya media mempunyai kesedaran terhadap tanggungjawab sosial mereka kepada bahasa Melayu. Media seperti radio, televisyen, dan filem berperanan penting dalam menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dengan betul kerana media merupakan saluran yang paling hampir dan cukup dekat dengan masyarakat. Oleh sebab itu, A. Rahim Abdullah tetap bertegas bahawa bahasa Melayu seharusnya digunakan dengan betul walau dalam apa-apa keadaan sekalipun. Dalam hal ini, tidak seharusnya ada sebarang kompromi atau tolak ansur dalam penggunaan bahasa Melayu. Datuk Jins Shamsudin, Tokoh Industri Perfileman Negara turut menasihati penggiat seni supaya memikul "amanah" ini. Kata beliau, "Disebabkan khalayak industri hiburan negara meluas dan pelbagai, maka semua karyawan di sektor ini perlu peka dengan tanggungjawab masing-masing. Mereka mestilah memastikan penggunaan bahasa kebangsaan dalam semua bentuk karya atau persembahan itu betul, bermutu dan indah".

Falsafah "karya sebagai cerminan realiti masyarakat" sebenarnya sudah lama dihayati oleh industri perfileman negara luar, seperti Rusia, Jepun, dan Korea yang tanpa disedari mengetengahkan bahasa dan

budaya kepada masyarakat dunia menerusi filem yang diterbitkan. Untuk itu, tanggapan dan tafsiran negatif pengusaha filem yang menganggap bahasa Melayu tidak mempunyai nilai ekonomi perlu diubah. Jika karyawan filem tempatan benar-benar mahu melonjakkan industri perfileman negara, mereka perlu tampil dengan acuan dan budaya sendiri, bukan hanya pandai mencedok nilai dari luar yang belum tentu sesuai dengan adat ketimuran. Inilah transformasi pemikiran atau anjakan paradigma yang perlu dilakukan oleh karyawan filem tempatan. Mereka tidak perlu khuatir dan sangsi dengan keupayaan bahasa sendiri, yang telah melakarkan sejarah keagungan dan kegemilangannya dalam pelbagai cabang kehidupan sama ada dari segi ekonomi, politik, sosiobudaya, falsafah ataupun pemikiran.

Oleh itu, keazaman untuk memperjuangkan bahasa Melayu perlu disemat di minda dan sanubari. Pengusaha filem tentunya tidak mahu dianggap sebagai ejen perosak kepada usaha memartabatkan bahasa Melayu yang kini sedang giat dijalankan oleh pihak berwajib seperti Dewan Bahasa dan Pustaka. Bertepatan dengan slogan 1Malaysia yang sering diuar-uarkan oleh Perdana Menteri kita, industri perfileman negara secara tidak langsung boleh membuktikan bahawa bahasa mampu menjadi wahana penyatuan dan perpaduan bangsa. Usaha ini diharapkan berupaya memaparkan kekuatan bangsa yang tercermin menerusi keindahan bahasa yang diungkapkan bak kata pepatah Melayu, "tegak tiang kerana sendinya, tegak bangsa kerana bahasanya". DB